

AMANAT TAHUN BARU 2025
MENTERI KERJA RAYA
DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana atas izin-Nya, dapat kita berkumpul di tahun baru 2025 pada hari ini. Tidak terlewat kiranya untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2025 kepada semua warga KKR dan agensi. Semoga tahun 2025 ini bakal merintis lebih banyak pencapaian yang memfokuskan usaha untuk membangunkan infrastruktur negara yang mampan, berkualiti, dan memberi manfaat langsung kepada rakyat.
2. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Datang kepada YBhg Dato' Zainal Alhakab Seman yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Sektor Pengurusan KKR yang baru. Tahniah juga saya ucapkan kepada Ybhg Dato' Mohd Sakeri Abdul Kadir yang kini memegang portfolio selaku TKSU Dasar & Pembangunan menggantikan Dato' Zahrul Hakim Abdullah yang bertukar ke Kementerian Kesihatan Malaysia. Tidak saya lupakan juga, setinggi penghargaan kepada Dato' Zahrul di atas segala jasa bakti kepada KKR sepanjang beliau berkhidmat di kementerian ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Seperti kebiasaan, ucapan amanat daripada Menteri merupakan antara agenda yang dinantikan sebagai pembuka tirai tahun baru bagi setiap kementerian. Namun pada hari ini, saya tidak mahu terlalu menyentuh kejayaan-kejayaan yang telah kita lakar pada tahun lalu, kerana semuanya telah digarap dengan rapi dan terperinci oleh Dato' Sri KSU sebentar tadi. Syabas dan tahniah semua atas segala usaha keras sepanjang tahun lalu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Dalam mengorak langkah di tahun 2025, ingin saya mulakan dengan perkongsian beberapa intipati penting dari amanat tahun baru dan ucapan YAB Perdana Menteri di Forum Ekonomi Malaysia baru-baru ini. YAB menegaskan, kita tidak hanya melihat kepada kejayaan tetapi juga perlu melihat ***“ruang yang harus dibaiki, kelemahan yang harus dibetulkan, tahap kesungguhan yang harus kita tingkatkan, kerjasama yang harus kita jalinkan, dan perubahan yang harus membawa kebaikan”***.
5. Dalam bahasa mudah, perkara pokok pertama yang ingin saya capai dalam resolusi tahun ini adalah supaya kita semua warga KKR dan agensi membuat anjakan paradigma sikap, budaya, tenaga dan semangat kerja yang bersungguh-sungguh, beretika, cekap, amanah dan berintegriti bagi kita melaksanakan tugas dengan lebih 'bermakna' pada tahun ini.

6. Dalam dunia serba serbi pantas ini, 'sense of urgency' dalam pelaksanaan tugas harus diletakkan sebagai prioriti. Banyak tanggung jawab kerja kita ini melibatkan nyawa manusia, jadi 'sense of urgency' ini tidak boleh kita pandang sebelah mata. Peringatan ini juga saya tujukan kepada semua wakil syarikat konsesi yang hadir pada hari ini. Anda yang telah diberi tanggungjawab menyelenggara perlu bersifat lebih proaktif dan 'action oriented'. Jangan tunggu viral baru mengambil tindakan. Ini jugalah antara perkara yang sering ditekankan oleh YAB Perdana Menteri.
7. Dalam dunia di mana kata-kata, janji, dan kenyataan sering digunakan untuk menipu, memanipulasi, atau mengelirukan seseorang, pepatah "*Action Speaks Louder Than Words*" mempunyai impak yang sangat mendalam. Pepatah ini menekankan kepentingan 'tindakan' sebagai refleksi sebenar 'niat' dan 'watak' seseorang itu. Justeru, formula bagi anjakan paradigma sikap kerja yang perlu diterapkan oleh kita semua mulai hari ini ialah gandingan 'Sense of Urgency' dan "Action". Let's be the proactive doers to achieve the best result to the people and country.
8. Ini bukan retorik politik semata, tetapi saya melihat kedudukan setiap daripada kita di sini adalah satu tanggung jawab dan amanah besar kepada rakyat dan negara. Jika usaha kita tidak memberi 'makna' atau kesan yang baik kepada rakyat, saya kira kita sudah melakukan dosa. Namun sekiranya kita memberi yang terbaik, saya percaya Tuhan tidak akan menutup mata terhadap setiap usaha kita.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Tidak dinafikan, banyak usaha berani yang telah kita laksanakan sepanjang 2024 – antaranya tentulah pelaksanaan secara meluas program MYJalan. Saya menyedari, masih ada di kalangan kita yang masih kurang yakin dengan keberkesanan program ini, tetapi data dan rekod pencapaian telah menunjukkan bagaimana program ini sebenarnya telah memberi manfaat kepada pelbagai pihak. Meskipun masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa, itu bukanlah satu penghalang. Saya mahu program MYJalan terus diperkasa melibatkan semua warga kementerian dan agensi termasuk pihak konsesi. Program MYJalan bukan lagi dianggap sebagai Program Kementerian semata-mata tetapi 'program negara' yang mengangkat mesej keselamatan dan kesejahteraan pengguna jalan raya. Justeru, sudah tiba masanya untuk kita bergerak agresif mendapatkan 'buy in' dan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan untuk bersama-sama menjayakan program MYJalan. Kita tidak boleh lagi 'work in silo'. Konsep 'whole of government approach' harus kita utamakan.
10. Saya juga sedar, ada yang memperkecilkan konsep 'no wrong door policy' yang diterapkan di dalam program MYJalan ini. Saya akui tidak mudah, apatah lagi untuk mendapatkan kerjasama dari pihak luar, namun sudah tiba masanya kita keluar dari zon selesa. Melalui respon yang saya terima daripada pelbagai ahli Parlimen, ADUN dan juga Menteri Besar di beberapa negeri, ramai sudah

menyatakan kesediaan untuk bekerjasama melalui program ini, kerana mereka sedar keberkesanan program MYJalan dan juga aplikasinya. Saya menyeru semua pihak yang terlibat, ayuh kita sama-sama perkasakan lagi MYJalan agar program ini dapat terus memberi manfaat.

11. Bagi membuka tirai program MYJalan tahun ini, saya dimaklumkan bahawa semua konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan termasuk konsesi Lebuhraya akan memberi komitmen padu mereka dalam bersama-sama memastikan keadaan jalan raya adalah dalam keadaan terbaik dengan memberikan fokus utama kepada keselamatan dan keselesaan pengguna jalan. Komitmen ini akan diterjemahkan melalui aku janji yang akan diikrarkan kelak oleh semua konsesi, diikuti dengan upacara flag off kereta peronda yang akan menjalankan rondaan yang lebih kerap bagi memastikan keadaan jalan adalah dalam keadaan terbaik. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha gigih dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak konsesi yang hadir pada hari ini.

Hadirin sekalian,

12. Sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan infrastruktur negara, KKR berperanan memastikan kelancaran pembangunan fizikal yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Dalam mencapai matlamat ini, sudah tiba masanya kita memperluaskan penggunaan teknologi terkini, pendekatan berinovasi dan pengurusan yang cekap bagi memastikan setiap projek diselesaikan mengikut jadual, bajet, dan piawaian yang ditetapkan.
13. Sering saya tekankan, kita perlu mengambil peluang memanfaatkan teknologi. Kita bukan lagi duduk di bawah tempurung, sudah banyak inovasi di luar sana yang dapat membantu penghasilan kerja yang lebih efektif. Contoh paling mudah teknologi penurapan jalan yang lebih berdaya tahan dan sistem tebatan banjir yang dijadikan projek rintis di Kelantan baru-baru ini. Jangan mudah merasa terancam dengan inovasi luar, *it's time to collaborate and innovate. We should be moving from a tactical, piecemeal, make-do-and-mend mind-set to a strategic, comprehensive, systematic vision.*

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Antara penekanan lain yang sering diutarakan oleh YAB Perdana Menteri adalah 'projek sakit'. Meskipun secara nisbah puratanya, jumlah projek sakit adalah kecil berbanding projek siap, namun ini tidak bermakna kita boleh berpuas hati dan merasa bangga. Dalam kita meraikan kejayaan projek siap, projek sakit juga perlu diberi perhatian sewajarnya. Tahun 2025, saya mahu melihat penurunan angka projek sakit, sekiranya boleh ke angka sifar dan kita di KKR harus memainkan peranan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek. Saya ingin ingatkan disini bahawa saya juga sentiasa memerhati dan turut menerima rungutan serta aduan daripada pelbagai pihak termasuk kontraktor berhubung pelbagai ketirisan di pihak Kementerian dan agensi.

Justeru, pesanan saya ialah 'We are here to facilitate not to strangle'. Kita harus menjadi pemudahcara yang berkesan, bukannya diktator yang tiada budibicara langsung.

15. Keberkesanan dalam pengurusan projek dan penyenggaraan jalan adalah antara faktor utama yang sering dinilai oleh rakyat. Untuk meningkatkan akauntabiliti semua pihak yang terlibat, saya bercadang agar sistem merit dilaksanakan bagi mengukur tahap prestasi syarikat konsesi dan kontraktor dalam pelaksanaan tugas mereka. Penelitian lanjut akan sistem merit ini akan dibincangkan dengan lebih komprehensif dip peringkat pengurusan Kementerian bersama pihak konsesi dan kontraktor agar satu kata sepakat dapat dicapai bagi merealisasikan pelaksanaan sistem tersebut.
16. Selain sistem merit, dengan memperkenalkan 'platform pengurusan digital', setiap aspek projek akan dipantau secara telus, dari fasa perancangan hingga ke fasa penyelenggaraan. Kita juga boleh memanfaatkan 'sistem data besar' (big data) untuk menganalisis prestasi projek dan mengenalpasti potensi pembaikan sebelum masalah timbul. Dengan pengurusan yang lebih sistematik, kita yakin bahawa setiap projek yang dilaksanakan akan memberi impak yang maksimum kepada masyarakat dan negara.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

17. Daya saing sesebuah negara bergantung kepada bagaimana maju, kreatif dan imaginatif rakyatnya menghasilkan produk dan perkhidmatan. Kemajuan memerlukan perubahan. Jikalau kita ingin terus relevan, kita perlu sentiasa melakukan pembaharuan - iaitu perlu menjadi lebih baik, lebih tangkas, lebih strategik dan berdisiplin. Oleh itu, pelaburan ke atas pembangunan modal insan bukan hanya membentuk tenaga kerja berilmu dan berfikiran strategik, tetapi juga membentuk sumber manusia yang sentiasa relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Dalam erti kata lain, mereka mesti memiliki kemahiran yang bersesuaian bagi menghadapi cabaran semasa.
18. Dalam hal ini, saya ingin mengingatkan anda semua akan arahan YAB Perdana Menteri dalam amanat tahun barunya bahawa latihan dalam kalangan penjawat awam harus diperluaskan kepada kakitangan pelbagai peringkat khususnya membabitkan pegawai muda mulai tahun ini. Beliau juga berkata, kerajaan sanggup berbelanja menyediakan peruntukan tambahan bagi memastikan penjawat awam berkenaan menjalani latihan sewajarnya terutama dari segi kecekapan, dari segi AI (kecerdasan buatan), digital, perubahan tenaga agar keupayaan kita, mengatasi keupayaan konsultan (luar) yang ada. Jadi, rebutlah peluang ini seadanya.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan amanat pada hari ini, sekali lagi ingin saya tegaskan bahawa hala tuju Kementerian Kerja Raya Malaysia untuk tahun 2025 adalah untuk memastikan pembangunan infrastruktur negara yang lebih cemerlang, lebih mampan, dan lebih berdaya saing. Kita bulatkan tekad untuk terus bekerja keras dalam memastikan setiap projek yang dilaksanakan memberi manfaat langsung kepada rakyat, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki kualiti hidup masyarakat.
20. Melalui sikap dan budaya kerja yang tepat, digabung bersama kepakaran manusia di kementerian dan agensi, dipertingkatkan dengan sokongan teknologi dan inovasi dan disebarluaskan usaha dan hasil melalui komunikasi berkesan, semua ini dapat menjadi ramuan tepat bagi kita meningkatkan taraf dan kualiti kementerian sebagai kementerian yang memberi satu titik makna kepada rakyat dan negara.
21. Saya ingin menekankan juga bahawa advokasi berterusan kepada rakyat harus terus diperkasakan bukan sahaja untuk menepis serangan dan tuduhan palsu netizen bahkan untuk berkongsi maklumat tepat bersama rakyat. Sudah tiba masanya untuk kita kerapkan turun padang, melaksanakan pelbagai aktiviti melibatkan masyarakat. Saya dapat lihat program seumpama ini mendapat sambutan daripada masyarakat sewaktu saya turun ke reruai KKR di program Sambutan 2 Tahun Madani hujung tahun lalu.
22. Usaha ini tidak dapat berdiri sendiri. Ayuh, kita cabar keupayaan kita untuk tahun 2025 ini. Semoga usaha kita membawa sejahtera dan kita juga dapat pahala.

Sekian, terima kasih.